

8/4 27/04/06
M/8 15

Siswa harus bina nilai karakter positif

Personaliti menarik, akademik bantu graduan bersaing

Oleh Syuhada Choo Abdullah

PEMBINAAN karakter yang menarik serta mantap dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) amat penting sebagai nilai tambah untuk membantu mereka menghadapi persaingan dan cabaran semasa dengan positif.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Zulkefli A Hassan, berkata selain berusaha mencapai kecemerlangan akademik, pelajar IPT juga harus menitikberatkan aspek pembangunan karakter mereka.

Beliau berkata, ini kerana nilai karakter turut diberi perhatian dalam pelbagai urusan rasmi kini, termasuk dari segi pemberian biasiswa, kemasukan ke IPT berprestij di luar negara serta tawaran peluang pekerjaan.

Sebagai contoh, katanya, pengambilan pelajar ke IPT terkemuka dunia, Massachusetts Institute of Technology (MIT), mengambil kira kriteria kemandirian karakter calon, bukan tertumpu kepada kecemerlangan akademik saja.

"Justeru, pelajar harus memanfaatkan proses pengajian di universiti untuk menjana karakter mereka," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Persatuan Pelajar/Individu Cemerlang 2004/2005 Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Shah Alam, kelmarin.

Hadir sama Naib Canselor (UiTM), Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, serta Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Nasuddin Othman.

Seterusnya, Zulkefli berkata, usaha pelbagai pihak menggembeng tenaga mewujudkan persatuan dan kelab penting ke arah merealisasikan matlamat UiTM melahirkan graduan Bumiputera profesional serta berpengetahuan luas.

Beliau berkata, pertumbuhan pel-



TAHNIAH : Zulkefli (kanan) menyampaikan Anugerah Individu 2004/2005 bagi kategori Kepimpinan Cemerlang Siswa sambil diperhatikan Ibrahim (tengah) di Majlis Anugerah Persatuan Pelajar/Individu Cemerlang UiTM di Shah Alam, kelmarin.

bagai persatuan dan kelab yang seiring proses pembelajaran dapat memberi pendedahan, pembudayaan dan peningkatan kemahiran di kalangan pelajar.

"Pada peringkat ini, pelajar dapat mempertingkatkan daya inovasi mereka, sekali gus melahirkan masyarakat bermaklumat.

"Penubuhan pelbagai persatuan dan kelab di UiTM dapat mewujudkan ciri budaya kerja cemerlang, berkualiti dan juga tidak gentar menghadapi cabaran serta perubahan se-

masa," katanya.

Sementara itu, Dr Ibrahim dalam ucapannya pula berkata, pelajar UiTM berjaya membuktikan kecemerlangan dalam akademik dan kegiatan kokurikulum, termasuk memenangi pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan serta di peringkat antarabangsa.

"Kegiatan bukan akademik ini dapat membantu meningkatkan semangat, kekuatan personaliti diri, tingkat keyakinan diri dan membina keteguhan emosi serta rohani di ka-

langan pelajar," katanya.

Pada majlis berkenaan, Zulkefli menyampaikan hadiah kepada pemenang Anugerah Persatuan Terbaik, Anugerah Individu dan Anugerah Khas.

Anugerah Individu bagi kategori Kepimpinan Cemerlang Siswa dimenangi Danial Amir dan Aizuddeen Ahmad Zabiri; Diyana Sulaiman dan Farah Sabirin (Kepimpinan Cemerlang Siswi); Nor Mohd Razif Noraini (Siswa Harapan); manakala Noorimah Ilimin (Siswi Harapan).

DACTA # 271 CEMERLANG 12/11/05